



SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

SURAT PEKELILING SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA BILANGAN 1 TAHUN 2020

PELABURAN BAGI PEGANGAN EKUITI DALAM SYARIKAT BERKAITAN KERAJAAN

TUJUAN

Surat Pekeliling ini dikeluarkan di bawah seksyen 86B Akta Koperasi 1993 (Akta) untuk membenarkan koperasi melabur wang lebihannya dalam mana-mana sekuriti lain yang diluluskan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya Koperasi) selaras dengan peruntukan di bawah perenggan 54(1)(a) Akta.

LATAR BELAKANG

2. Agenda Pemerksaan Bumiputera diberi keutamaan dalam Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 supaya masyarakat Bumiputera dapat dibangunkan untuk menjadi lebih kompetitif melalui tiga puluh peratus (30%) pegangan ekuiti Bumiputera.

3. Sehubungan itu, bagi menggalakkan penglibatan koperasi dalam memenuhi Agenda Pemerksaan Bumiputera, **koperasi dibenarkan untuk melabur dalam Syarikat Berkaitan Kerajaan (*Government Linked Companies – GLC*)** bagi tujuan meningkatkan pegangan ekuiti.

4. Pelaburan ini mematuhi peruntukan di bawah perenggan 54(1)(a) Akta yang membenarkan koperasi melabur **wang lebihannya** dalam mana-mana sekuriti yang dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia, Bank Negara Malaysia atau mana-mana sekuriti lain yang diluluskan oleh Suruhanjaya.

PANDUAN PELABURAN

5. Asas pertimbangan untuk koperasi membuat pelaburan adalah seperti berikut:

(a) Pelaburan saham yang dibenarkan:

- (i) pelaburan hanya dibuat dalam **Syarikat Berkaitan Kerajaan (Government Linked Companies – GLC)** yang tersenarai di Pasaran Utama (*Main Market*) Bursa Malaysia; dan
- (ii) pelaburan adalah bertujuan untuk meningkatkan pegangan ekuiti dalam Syarikat Berkaitan Kerajaan dan **tidak melebihi lima peratus (5%)** daripada saham syarikat tersebut.

(b) Had Pelaburan:

- (i) koperasi hendaklah mematuhi had pelaburan seperti di **Lampiran**.

(c) Ketersediaan Koperasi:

- (i) menggunakan wang lebihan koperasi dan bukan wang pinjaman/pembentahan;
- (ii) mempunyai peruntukan dalam undang-undang kecil koperasi;
- (iii) memastikan skop dan had pelaburan dibentang dan diluluskan oleh mesyuarat agung;
- (iv) memastikan pelaburan tersebut diluluskan oleh mesyuarat Lembaga koperasi;

- (v) mematuhi peruntukan undang-undang bertulis lain yang berkaitan; dan
- (vi) tujuan pelaburan bukan untuk spekulasi dan untuk tempoh jangka panjang.

(d) Keperluan Kawal Selia:

- (i) pelaburan yang dilaksanakan adalah bersesuaian dengan objektif aktiviti perniagaan dan halatuju koperasi;
- (ii) koperasi mempunyai kesediaan untuk melabur dan menjalankan kajian yang menyeluruh ke atas syarikat yang ingin dilabur;
- (iii) suatu jawatankuasa pelaburan diwujudkan untuk perancangan yang teliti dari segi pengurusan, kewangan, kajian kemungkinan (*feasibility studies*) dan sebagainya sebelum membuat keputusan untuk melabur;
- (iv) prestasi keseluruhan portfolio pelaburan dibentang dalam mesyuarat Lembaga;
- (v) pengurusan koperasi bertanggungjawab ke atas kawalan dalaman dalam pelaksanaan pelaburan; dan
- (vi) koperasi melaksanakan pengurusan risiko yang berkesan untuk melindungi sumber dan aset koperasi daripada kerugian.

(e) Pelaporan:

- (i) laporan berkaitan pelaburan yang dibuat di bawah perenggan 54(1)(a) Akta hendaklah dibuat secara bertulis dan dikemukakan kepada Suruhanjaya dalam tempoh **15 hari** selepas pelaburan dibuat; dan

- (ii) pelaburan-pelaburan yang dibuat oleh koperasi hendaklah dilaporkan kepada anggota melalui Laporan Lembaga dan dibentang dalam mesyuarat agung.

PEMAKAIAN DAN TARIKH KUATKUASA

6. Semua Koperasi hendaklah mematuhi Surat Pekeliling ini dan kegagalan mematuohnya adalah suatu kesalahan di bawah Akta Koperasi 1993 dan tindakan undang-undang boleh diambil ke atas mana-mana Koperasi yang didapati tidak mematuhi Surat Pekeliling ini.

7. Surat Pekeliling ini dikuatkuasakan pemakaianya pada 1 Januari 2020.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK NORDIN BIN SALLEH)
Pengerusi Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Tarikh : **7/9/20**

HAD PELABURAN KOPERASI

BIL	PERUNTUKAN	JENIS PELABURAN	SUMBER DANA	KOPERASI KREDIT	BUKAN KOPERASI KREDIT		
					AKTIVITI UTAMA SELAIN PELABURAN	AKTIVITI UTAMA PELABURAN	
1.	<ul style="list-style-type: none"> • Subseksyen 54(1) Akta Koperasi 1993 • GP16: Garis Panduan Pelaburan Wang Koperasi Di Bawah Seksyen 54 Akta 	<p>Sekuriti dan syer:</p> <p>(a) mana-mana sekuriti yang dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia, Bank Negara Malaysia atau mana-mana sekuriti lain yang diluluskan oleh Suruhanjaya; atau</p> <p>(b) syer mana-mana koperasi lain.</p>	Wang berlebihan sahaja	Tidak melebihi 10%	Tidak melebihi 20%	Boleh melebihi 20%	
2.	<ul style="list-style-type: none"> • Subseksyen 54(2) Akta Koperasi 1993 • Peraturan-Peraturan Koperasi (Pelaburan) 2010 	<p>(a) bon atau debentur mana-mana koperasi lain;</p> <p>(b) sekuriti mana-mana syarikat atau mana-mana pertubuhan perbadanan yang didaftarkan di Malaysia, selain yang dinyatakan dalam subseksyen 54(1) Akta Koperasi 1993;</p> <p>(c) subsidiarinya; atau</p> <p>(d) apa-apa cara lain sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.</p>	Wang berlebihan sahaja				
3.	<ul style="list-style-type: none"> • Subseksyen 54A(1) Akta Koperasi 1993 • GP24: Garis Panduan Pelaburan 	Harta tak alih	<ul style="list-style-type: none"> • Wang berlebihan; • Pinjaman; • Simpanan khas; dan • Lain-lain 				
<u>HAD AGREGAT KE ATAS SEMUA KATEGORI PELABURAN</u>					TIDAK MELEBIHI 30%	TIDAK MELEBIHI 70%	TIDAK MELEBIHI 80%